

FAMA /RE/KW/100-1/1 (29)

Bil. Surat Kami :

Bil. Surat Tuan :

13 Januari 2012

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan
Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
Wisma Tani, Aras 7, Blok Podium 4G2,
No.30, Persiaran Perdana, Presint 4,
62628 PUTRAJAYA.
Tel: 03-88704030
Faks: 03-88902910

Tuan,

1. PEMANSUHAN PERMIT EKSPORT SAYUR DI BAWAH PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI EKSPORT) 2008
2. PENGUATKUASAAN SEMULA PERAKUAN PEMATUHAN ATAU SURAT PENGECUALIAN EKSPORT SAYUR DI BAWAH PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI EKSPORT)

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada dua perkara tersebut di atas.

2. Perkara pertama adalah merujuk kepada pewartaan oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang telah mewartakan pemansuhan permit eksport sayur dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2008 [P.U (A) 438/2011] berkuat kuasa pada **1 Januari 2012**. Sehubungan dengan itu, pihak Lembaga memutuskan **Permit Eksport Sayur** dimansuhkan berkuatkuasa pada tarikh yang sama.
3. Perkara kedua adalah merujuk kepada surat Lembaga FAMA/RE/KW/100-1/1 (26) bertarikh 1 Disember 2011 mengenai Penangguhan Penguatkuasaan Perakuan Pematuhan Atau Surat Pengecualian Eksport Sayur Di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2008 Melalui Sistem E-Sijil 3P yang dikuatkuasakan mulai 1 Disember 2011.
4. Sehubungan itu, Lembaga memutuskan untuk **menguatkuasakan semula** Perakuan Pematuhan Atau Surat Pengecualian Eksport Sayur Di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2008 berkuatkuasa mulai pada **15 Febuari 2012**.
5. Bersama-sama ini dilampirkan Warta Kerajaan Persekutuan [P.U. (A) 438] Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) (Pindaan) (No.2) 2011 untuk perhatian dan tindakan pihak tuan selanjutnya.
6. Lembaga berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat melaksanakan keputusan ini di pintu masuk/keluar negara. Di atas kerjasama tuan dahulu dengan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas



(AHMAD BIN ISHAK)
Ketua Pengarah
Lembaga Pemasaran Pertanian persekutuan

s.k Y.B. Datuk Chua Tee Yong
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Tel: 03-88701000
Faks: 03-88886020

Ketua Pengarah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Tel: 03-88822100
Faks: 03-88895909



Ketua Eksekutif
Dagang Net Tech. Sdn. Bhd.
Tel: 03-27300200
Faks: 03-27132121



30 Disember 2011
30 December 2011
P.U. (A) 438

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI EKSPORT)
(PINDAAN) (NO. 2) 2011

*CUSTOMS (PROHIBITION OF EXPORTS) (AMENDMENT)
(NO. 2) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (LARANGAN MENGENAI EKSPORT) (PINDAAN) (NO. 2) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) (Pindaan) (No. 2) 2011**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012.

Pindaan Jadual Kedua

2. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2008 [P.U. (A) 87/2008], yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Kedua—

- (i) dengan memotong butiran 13, 16, 21, 24, 28, 29, 34, 36, 37, 38, 40, 42 dan 45 dan butir-butir yang berhubungan dengan butiran itu; dan
- (ii) dengan menggantikan dalam butiran 46 dalam ruang (2) perkataan "formoterol or ractopamine" dengan perkataan "or formoterol".

Pindaan Jadual Ketiga

3. Jadual Ketiga Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas butiran 21 butiran yang berikut:

(1) <i>Item No.</i>	(2) <i>Description of Goods</i>	(3) <i>Heading/ Subheading</i>	(4) <i>Manner of Export</i>
"22. (1)	Diesel fuel	2710.19	That the export is accompanied by a letter of approval issued by the Controller of
(2)	Petrol RON 95	2710.11 213	
(3)	Liquefied petroleum gas (LPG):		

<i>(a)</i> Propane	2711.12 000	Supplies, Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism under the Control of Supplies Act 1961.
<i>(b)</i> Butanes	2711.13 000	
<i>(c)</i> Other	2711.19 000	
23. Tributylin Compounds (TBT) including preparation :		That the export is accompanied by a letter of approval issued by or on behalf of the Director General of the Department of Environment
(1) Chemically pure:		
<i>(a)</i> Tributylin Benzoate	2931.00 900	
<i>(b)</i> Tributylin Chloride	2931.00 900	
<i>(c)</i> Tributylin Fluoride	2931.00 900	
<i>(d)</i> Tributylin Linoleate	2931.00 900	
<i>(e)</i> Tributylin Methacrylate	2931.00 900	
<i>(f)</i> Other Tributylin compounds	2931.00 900	
(2) Preparations:		
<i>(a)</i> Paints and varnishes of acrylic or vinyl polymers	3208.20 000	

Dibuat 29 Disember 2011

[16 Sulit KE.HT(96)669/15-36 SK.15 Pt. IV; Perb. 0.9060/18 Jld.26 (SK.16)B; PN(PU2)338C/XVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua